

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6096/6102 | Faks : +606 331 6101

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.3 (2)

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

Mac 2013
Rabiulakhir 1434H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2013

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Durian Tunggal, Melaka

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN PERATURAN SKIM PINJAMAN KENDERAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y.Bhg.Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

1.0 Tujuan

1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan ke atas peraturan Skim Pinjaman Kenderaan UTeM.

2.0 Latar Belakang

2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 7/2012 pada 30 Ogos 2012 dan telah digunapakai sepenuhnya dari tarikh ia dikeluarkan.

2.2 Pada 21 Disember 2012, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2012 telah membuat keputusan dengan bersetuju atas perakuan yang dibuat oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4/2012 pada 10 Disember 2012 untuk pindaan bagi para 6.1, para 5.2, para 8.2 dan para 8.5 didalam Pekeliling Bendahari bil. 7/2012 setelah melihat beberapa kebaikan di atas penambahbaikan ini.

3.0 PINDAAN

3.1 Selaras dengan pemakaian Pekeliling Bendahari Bil. 7/2012 berikut adalah pindaan yang terlibat:

Pekeliling Bendahari bil.7/2012	Pindaan
1. Para 6.1 – Pinjaman hanya boleh diberikan kepada seorang staf sekali sahaja dalam tempoh lima (5) tahun dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan.	Pinjaman hanya boleh diberikan kepada seorang staf sekali sahaja dalam tempoh tiga (3) tahun dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan.
2. Para 5.2 – Jumlah kelayakan pembiayaan maksimum pinjaman basikal adalah sebanyak RM500.00 .	Jumlah kelayakan pembiayaan maksimum pinjaman basikal adalah sebanyak RM3,000.00 .
3. Para 8.2 – Tempoh bayar balik bagi basikal (baru) adalah 12 bulan .	Tempoh bayar balik basikal (baru) adalah 3 (tiga) tahun .
4. Para 8.5 – Bayaran Perkhidmatan 4% setahun dikira atas baki bulanan belum selesai akan dikenakan kepada peminjam kecuali basikal .	Bayaran Perkhidmatan 4% setahun dikira atas baki bulanan belum selesai akan dikenakan kepada peminjam atas semua jenis kenderaan .

4.0 PANEL BAGI PEMBELIAN BASIKAL

4.1 Pinjaman basikal ini juga perlu dibeli melalui panel pembekal yang akan dilantik sahaja. Ini adalah kawalan di peringkat Pejabat Bendahari kerana pembelian basikal ini tidak melibatkan penyerahan geran di mana ada tercatat "Hak Milik Dituntut oleh UTeM" dan juga mengelakkan kemudahan pinjaman ini disalahgunakan.

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.3 (2)
SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2013

5.0 KUATKUASA PEKELILING

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa sepenuhnya mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, *Wassalam*.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)